

* Harap larangan diperluas di tempat awam

Kuantan: Cadangan memperluaskan kawasan larangan merokok ke institusi pengajian tinggi memerlukan kajian menyeluruh terhadap kaedah penguatkuasaannya.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Pahang (UMP) Zakwan Zulkifle berkata, larangan merokok di kedai makan yang dikuatkuasakan baru-baru ini adalah langkah bijak kerana suasana di premis berkenaan kini jauh lebih baik berbanding sebelumnya.

"Jadi, kita bersetuju jika kerajaan mahu meluaskan penguatkuasaan kawasan larangan merokok dalam kampus seperti apa termaktub dalam Akta Uni-

versiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971. Namun, kaedah penguatkuasaannya perlu kajian terperinci.

"Harapan kita supaya pihak Kementerian Kesihatan boleh memperluaskan lagi kawasan larangan merokok terutama di kawasan awam," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Kementerian Kesihatan bercadang memperluaskan kawasan larangan merokok ke pusat pengajian tinggi yang dijangka dikuatkuasakan tahun ini.

Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, larangan itu susulan penguatkuasaan larangan merokok di tempat makan dan dalam bangunan di kawasan Parlimen.